



KP.BKK.200- 15/07.(90)

19 Disember 2011

23 Muharram 1433H

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk / Tuan,

**PENILAIAN 10% MARKAH KOKURIKULUM SEBAGAI SYARAT KEMASUKAN KE
IPTA SESI 2012/13 BAGI CALON-CALON SPM, STPM DAN STAM, TAHUN 2011**

Dengan hormatnya Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet pada 5 April 2006 berhubung dengan perkara tersebut adalah dirujuk.

2. Sukacita dimakluman bahawa, mulai tahun 2010, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) telah diberi tanggungjawab untuk merumuskan kaedah permarkahan kokurikulum bagi calon-calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) yang memohon untuk menyambung pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Keputusan markah yang disediakan oleh pihak sekolah hendaklah dihantar terus secara **atas talian/on line** mulai **20 Disember 2011** ke **Bahagian Pengurusan Maklumat** (BPM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru, pihak sekolah diberi tanggungjawab penuh untuk mengira dan menentukan markah kokurikulum calon-calon tersebut sama ada dari segi **keesahan** dan **kebolehpercayaannya**.

3. Sehubungan dengan itu, seperti tahun-tahun sebelumnya KPM dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah / Wilayah (PPD/PPW) telah/akan mengadakan sesi penerangan semula di semua peringkat melibatkan Pengurusan Tertinggi KPM, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Pengarah-Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pegawai-pegawai Pejabat Pelajaran Daerah dan Wakil-wakil Kesatuan Guru.

4. Oleh itu, kerjasama dan jasa baik YBhg. Datuk /Tuan untuk menyampaikan maklumat ini kepada semua Pengetua dan Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah-Sekolah Menengah di negeri masing-masing. Pihak sekolah diminta supaya mengambil kira perkara-perkara berikut:

- 4.1. Markah hendaklah sedia dan dihantar **pada** atau **sebelum 31 Januari 2012**.


- 4.2. Bagi kiraan markah kemasukan ke **IPTA sesi 2012/13** jumlah markah yang dikira adalah Himpunan Markah (Cumulative Grade Point Average) bagi **lima tahun (2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011)**.
 - 4.3. **Salinan cetakan markah** calon SPM, STPM dan STAM hendaklah dihantar ke JPN melalui Pejabat Pelajaran Daerah untuk tujuan pemantauan dan semakan. Senarai ringkas markah bagi setiap sekolah perlu dihantar bersama (rujuk Borang Markah seperti Lampiran 1).
 - 4.4. Pihak sekolah diminta menyediakan **Sijil Pencapaian Kokurikulum** kepada setiap calon peperiksaan SPM, STPM dan STAM bagi memudahkan mereka menunjukkan bukti pencapaian.
 - 4.5. Penilaian adalah berdasarkan "**Buku Panduan Penilaian Kokurikulum Sekolah Menengah - Edisi 2007**" yang disediakan oleh KPM (*semua sekolah diwajibkan menggunakan sistem penilaian ini dan perubahan berdasarkan surat-surat makluman*).
 - 4.6. Bersama-sama ini disertakan juga beberapa keputusan berkaitan **perkara berbangkit** yang diterima oleh pengurusan sekolah bagi penilaian yang dibuat **tahun 2011** (*rujuk Lampiran 2*).
 - 4.7. **Semua bantahan** oleh calon hendaklah diselesaikan di peringkat sekolah dan sebarang perubahan markah hanya boleh dilakukan oleh Pengetua Sekolah dan diajukan terus ke **Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, KPM melalui dan salinan ke JPN** (*u.p. Unit Kokurikulum*).
5. Semua pentadbir sekolah adalah diingatkan bahawa, cara dan kaedah menentukan keesahan dan kebolehpercayaan markah kokurikulum calon SPM, STPM dan STAM adalah tanggungjawab pihak sekolah kerana KPM menetapkan "**Sistem Penilaian Kokurikulum di Sekolah Menengah**" adalah "**Penilaian Berasaskan Sekolah**".

Sokongan dan kerjasama YBhg. Datuk /Tuan adalah amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM"

Saya yang menurut perintah,



HAJI MUHAMAT ROLI BIN HAJI HASSAN

Pengarah

Bahagian kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Setiausaha Sulit Kanan Kepada Menteri Pelajaran
2. Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
4. Pengarah-Pengarah Bahagian
5. Ketua Jemaah Nazir Sekolah
6. SUB, Bahagian Pengurusan Maklumat
7. Pengarah Bahagian Pendidikan Menengah MARA
8. Pengarah Yayasan Islam Kelantan